

Minta perketat kawalan sempadan elak lambakan produk vape

Seremban: Kementerian Kesihatan meminta kerjasama agensi penguatkuasaan di sempadan negara meningkatkan kawalan di pintu masuk terhadap produk membabitkan rokok elektronik atau vape bagi mengelak lambakan produk itu di negara ini.

Menterinya, Datuk Seri Dzulkefly Ahmad, berkata kemasukan produk itu dapat dikawal jika pihaknya mendapat kerjasama agensi penguatkuasaan seperti Jabatan Kastam Diraja dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP).

"Saya ingin menegaskan penguatkuasaan kawalan pintu masuk membabitkan Jabatan Kastam perlu dipertingkatkan, khususnya kemasukan produk bernikotin.

"Pihak KPDNHEP juga membantu berperanan dalam lambakan produk vape dan e-rokok, misalnya berbincang bersama FC-TC (Rangka Kerja Kawalan Tembakau) mengenai standard kawalan produk itu dalam negara," katanya.

Beliau berkata demikian selepas menghadiri Majlis Tilawah al-Quran Kementerian Kesihatan peringkat kebangsaan kali ke-30 di sini, semalam.

Dr Dzulkefly berkata, kementerian sendiri mengambil beberapa tindakan termasuk menukuhkan Jawatankuasa Kerja Pakar yang dianggotai penguat kuasa farmasi, sektor inspektorat kementerian, KPDNHEP dan Rangka Kerja Kawalan Tembakau.

"Jawatankuasa yang dipengerusikan timbalan saya, Dr Lee Boon Chye, bermesyuarat kali pertama pada 16 Julai lalu dan akan bermesyuarat untuk kali kedua esok bagi memperincikan penguatkuasaan terhadap vape bernikotin dalam masa terdekat ini.

"Ia berikutkan bahan vape yang bernikotin dikawal di bawah Akta Racun.

"Bagian Kawalan Penyakit juga sedang mengatur perbincangan dengan Kementerian Pendidikan mengenai isu penggunaan vape dalam kalangan pelajar," katanya.

Beliau berkata, kementerian berharap kerjasama dapat dijalin dengan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SK-MM) termasuk stesen televisyen bagi memastikan iklan secara langsung atau tidak langsung terhadap vape dan bahannya dibanters serta dicegah.

Baru-baru ini, media melaporkan penggunaan vape dalam kalangan pelajar dilihat semakin berleluasa.

BERNAMA